# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# AHAD 17 FEBUARI 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8.<br>9. | BERI SALAHUDDIN SEDIKIT MASA SELESAI ISU, SENTRAL, SH -18<br>SOAL JAWAB, MUKA PERTAMA, BH -1<br>SEKTOR PERTANIAN PERLU DIPERMODENKAN, SOAL JAWAB, BH -12<br>BERI MASA KERAJAAN BUAT PERUBAHAN, SOAL JAWAB, BH -13<br>GALAK ANAK MUDA SEMARAKKAN BIDANG PERTANIAN, SOAL JAWAB, BH -13<br>SIAPA MAHU DENGAR TANGISAN KAMI?, RENCANA, MINGGUAN MALAYSIA -15<br>TOLONG DENGAR RINTIHAN RAKYAT, DALAM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA -8<br>PENGURANGAN BANTUAN JEJAS KEHIDUPAN NELAYAN, SENTRAL, SH -18<br>'JANGAN SEKAT BANTUAN KAMI', SABAK BERNAM, SH -22 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 10. | POTENSI TERNAK KAMBING BOER TAHAN LASAK, INSPIRASI, BH -16 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV) |
| 11. | NAFAS, PPK BAKAL URUS TANAH TERBIAR, ISU, BH -4 | PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS) |
| 12. | TIADA MASALAH BEKALAN AIR DOMESTIK, PERTANIAN DI NEGERI – NEGERI LAIN, SEMASA, KOSMO -2 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 13.<br>14.<br>15.<br><br>16.<br>17.<br><br>18.<br><br>19.<br><br>20.<br><br>21.<br><br>22.<br><br>23.<br><br>24.<br><br>25.<br><br>26.<br><br>27.<br><br>28.<br>29. | HORMATI TRADISI JOHOR: TMJ, NASIONAL, SH -9<br>SALAHUDDIN NAFI CERAMAH POLITIK DALAM MASJID, NASIONAL, SH -9<br>SULTAN JOHOR MURKA TINDAKAN MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI,<br>NEWS, WARTA DAILY -10<br>WARTA JOHOR MURKA, NEWS, OH SEMPUT -10<br>JOHOR SULTAN SUMMONS SALAHUDDIN OVER POLITICAL SPEECH IN MOSQUE,<br>THE MALAYSIAN INSIGHT -ONLINE<br>JOHOR SULTAN ORDERED MINISTER TO APOLOGISE OVER POLITICAL SPEECH IN<br>MOSQUE, NATION, CHINA PRESS -A7<br>SULTAN OF JOHOR DEMANDS APOLOGIES FROM MINISTER OF AGRICULTURE FOR<br>GIVING SPEECH IN MOSQUE, NATION, SIN CHEW DAILY -8<br>JOHOR SULTAN FURIOUSLY ORDERS NOT TO MAKE SAME MISTAKE AGAIN, NEWS,<br>GUANG MING DAILY -A6<br>SALAHUDDIN SEEKING AUDIENCE WITH JOHOR SULTAN OVER MOSQUE SPEECH<br>ISSUE, NEWS, MALAYSIA MSN -6<br>SALAHUDDIN PREPARED TO MEET JOHOR SULTAN OVER MOSQUE SPPECH,<br>MALAYSIA KINI -ONLINE<br>MINISTER OF AGRUCULTURE TO GIVE EXPLANATION TO JOHOR BHARU, NEWS,<br>ORIENTAL DAILY NEWS -A27<br>CERAMAH POLITIK DALAM MASJID: SALAHUDDIN KENA MENGHADAP, NEWS,<br>ISMAWEB -8<br>SALAHUDDIN NAFI CERAMAH BERUNSUR POLITIK DALAM MASJID, NEWS,<br>OH SEMPUT -5<br>AGRICULTURE MINISTER SEEKING AUDIENCE WITH JOHOR SULTAN OVER MOSQUE<br>SPEECH ISSUE, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A18<br>PERLU PELBAGAI, JANGAN BERGANTUNG PADA SATU JENIS TANAMAN –<br>TERESA KOK, ASTRO AWANI -ONLINE<br>KENAL PASTI JENIS TANAMAN BAHARU, NASIONAL, SH -12<br>BAWAH BIDANG KUASA KEMENTERIAN KEWANGAN, DALAM NEGERI,<br>MINGGUAN MALAYSIA -6 | LAIN – LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/2/2019 | SINAR HARIAN | SENTRAL | 18 |

# Beri Salahuddin sedikit masa selesai isu

**SHAH ALAM** - Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA), Sim Tze Tzin mengajak rakyat memberikan sedikit masa kepada Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub menyelesaikan isu nelayan dan petani.

"Salahuddin telah melakukan banyak kerja ketika elaun sara hidup nelayan turun sedikit. Tapi, rakyat tak tau.

"Ini bukan selama-lamanya. Apabila keadaan kewangan negara pulih, mungkin boleh dinaikan semula," katanya melalui hantaran di Facebooknya.

Kenyataan itu dibuat susulan tohmahan air mata Salahuddin meniktik ketika membaca warkah seorang petani, Ibas Hamud, 77, hanyalah sandiwara.

Dalam pada itu, Tze Tzin mengakui yang beliau amat mengenali hati budi Salahuddin kerana telah bekerja di bawah menteri itu selama lebih enam bulan.

"Apabila beliau (Salahuddin) menitik air mata, saya tahu itu adalah daripada tangisan hati naluri beliau. Jadi saya amat terasa apabila netizen menghentam beliau, ada sampai ke tahap peribadi. Ini amat dikesali.

"Saya masih ingat, apabila bajet subsidi MoA dipotong, beliau begitu memahami masalah ini. Apabila kami mencari penyelesaian, beliau beberapa kali berjumpa dengan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kewangan dan atas usaha beliaulah, harga pembelian padi dinaikkan," jelasnya.

Sim Tze Tzin 沈志勤 shared a post
3 hrs

Saya telah bekerja di bawah YB Dato Salahuddin Ayub selama lebih 6 bulan. Saya kenal budi pekerti beliau.

Saya masih ingat, apabila bajet subsidi MoA dipotong, beliau begitu memahami masalah ini. Apabila kami mencari penyelesaian, beliau pergi berjumpa dengan PM dan Menteri Kewangan beberapa kali.

Atas usaha beliaulah, harga pembelian padi dinaikan. Elaun Sara Hidup Nelayan hanya turun sedikit. Ada banyak kerja yang beliau buat, tapi rakyat tak tau.

Apabila beliau menitik air mata, saya tahu itu adalah daripada tangisan hati naluri beliau.

Jadi saya amat terasa apabila netizen menghentam beliau, ada sampai ke tahap peribadi. Ini amat dikesali. Masalah nelayan dan petani adalah punca daripada rasuah da pemborosan kerajaan Najib.

Sama seperti keluarga kita, apabila orang curi duit kita, kewangan kita akan menghadapi masalah.

Tapi ini bukan selama-lamanya. Apabila keadaan kewangan negara pulih, mungkin boleh dinaikan semula.

Dato Salahuddin tahu masalah yang dihadapi oleh para petani. Marilah beri sedikit masa untuk beliau menyelesaikan masalah yang cukup rumit ini.



Hantaran di Facebook Tze Tzin, semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/2/2019 | BERITA HARIAN | MUKA PERTAMA | 1 |



**17.02.2019**
12 Jamadilakhir 1440H

**Harga:** RM2.00
**Tel:** 1 300 22 6787
PP 417/09/2012(030685)

BH MOBILE NO. 1

# BH AHAD

MERENTAS GENERASI www.bharian.com.my

*"Kita mahu dekati lulusan universiti untuk memoden sektor pertanian dan menjadi industri pilihan untuk jana pendapatan mereka, negara"*

***Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani,***
*Datuk Salahuddin Ayub*

**Soal Jawab Ms.12, 13**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/2/2019 | BERITA HARIAN | SOAL JAWAB | 12 |



# Sektor pertanian perlu dipermodenkan

Sektor pertanian sebenarnya masih belum ditingkatkan ke tahap sepenuhnya di negara kita hingga Malaysia terpaksa mengimport beras, daging serta makanan lain. Untuk itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani merangka pelan untuk memoden serta membabitkan lebih ramai belia, terutama lepasan universiti untuk menerokai bidang pertanian moden yang boleh menjana pendapatan. Ikuti temu bual eksklusif wartawan BH Ahad, **Mohd Fahmi Mohd Yusuf bersama menterinya, Datuk Salahuddin Ayub,** untuk mengupas lanjut isu ini



***Salahuddin (dua dari kanan) bersama Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin (kanan)*** *melancarkan Pelan Induk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di MAEPS Serdang, baru-baru ini.*

**S: Apakah kepincangan utama dalam sektor pertanian dan industri asas tani negara ketika ini, sehingga memerlukan kementerian melancarkan hala tuju yang baharu tahun ini?**

**J:** Pertama sekali, yang saya hadapi adalah produk pertanian kita tidak meningkat pada skala yang lebih meyakinkan. Kalau diukur melalui tahap keperluan sendiri, contohnya industri padi dan beras negara kita hanya kekal menyumbang 70 peratus dan kita kena import lagi 30 peratus. Data ini pun kita perlu perhalusi bimbang ada faktor penyeludupan beras masuk ke negara kita. Keperluan daging pula, kita cuma berupaya bekal 24 peratus dan yang lainnya diimport. Begitu juga susu segar, cuma 55.8 peratus bekalan tempatan tetapi untuk telur, mungkin cukup bekalan tempatan. Oleh itu bagi saya cabaran paling besar adalah meningkatkan produktiviti. Kalau kita berjaya meningkatkan produktiviti, kita akan dapat meningkatkan pendapatan rakyat kita. Itu cabaran pertama yang besar saya hadapi.

Kedua, untuk mengubah itu kita perlu memodenkan semua sektor dalam bidang pertanian. Kalau hanya kekal pada status quo, mengamalkan cara tradisional dan usahawan sebagai contoh purata hanya ada dua hektar, jadi kita tidak dapat meningkatkan (produktiviti)... macam mana kita nak pergi pada tahap mengeluarkan petani daripada garis kemiskinan?. Ketiga, dalam sektor swasta tak masuk (sektor pertanian). Ia tidak menggamit pelaburan menguntungkan. Jadi kalau dalam bahasa yang mudah, tidak menggamit pelabur besar untuk datang ke negara kita. Itu kita akan menggalakkan kebersamaan sektor swasta dan perlu melihat kembali beberapa dasar yang mungkin tidak menarik sebelum ini untuk menarik mereka datang melabur ke sini.

Keempat, saya rasa rata-rata rakyat tidak melihat pertanian sebagai satu sumber kepada mereka, hanya *part time* dan kekal dalam paras yang saya sebutkan tadi, maksudnya kita ketinggalan jika dibandingkan dengan Vietnam dan Thailand sekarang. Sebab itu kita perlu berusaha menggamit dan memberikan suatu galakan kepada golongan muda dan rata-rata mereka terbabit dengan fatigasi, pertanian bandar menggunakan kaedah moden, menceburi bidang ternakan lembu dan kambing, menerokai bidang sumber kekayaan baru seperti tanaman *cash crop* dan buah tin. Anak-anak muda yang menceburi bidang ini, hampir semuanya berjaya. Pertama mungkin mereka orang muda, kedua ada kelayakan akademik, ijazah, ada PhD lagi, menceburi bidang pertanian dan mereka melalui proses jatuh bangun dan nampaknya itu yang menyumbang dalam beberapa sektor pertanian negara kita.

Di samping itu, semua agensi dalam kementerian perlu untuk bergerak lebih pantas, budaya kerja perlu benar-benar berbeza dan kurang kerenah birokrasi yang mengakibatkan isu pertindihan antara satu sama lain supaya lebih mudah.

**S: Hala tuju yang dilancarkan pula hanya dua tahun... mampukah semua usaha yang dirancang mencapai sasaran?**

**J:** Hala tuju ini tidak ada tempoh, dokumen ini sahaja dinamakan prioriti dan strategi 2019-2020.. jadi maknanya tahun inilah. Dokumen diterbitkan tahun ini yang saya rasa fokus pada kelima-lima hala tuju itu selain kita ada inisiatif. Jadi saya yakin dengan komitmen semua pihak dalam kementerian, kita akan dapat memastikan dokumen ini bergerak mengikut apa yang kita rancang.

**S: Golongan pekebun kecil, petani dan nelayan dilihat masih cenderung mengharapkan kepada bantuan kewangan secara langsung daripada kerajaan, sedangkan menjadi dasar kerajaan kini mahu melihat mereka lebih berusaha sendiri untuk meningkatkan pendapatan. Bagaimana kementerian mahu mencapai satu kompromi dalam isu ini?**

**J:** Dalam hal ini, saya kongsi pandangan Tun (Dr Mahathir) sendiri yang berkata 'saya tak percaya bahawa kemiskinan boleh diatasi dengan pemberian oleh kerajaan'. Kita tidak boleh mengajar lagi minda rakyat seperti itu. Kerajaan akan mempermudahkan, kerajaan akan memberi insentif, tetapi subsidi atau pemberian pada masa akan datang ini, hanya kepada kumpulan sasar. Sebab itu saya tak nak memiliki fakta dan statistik yang tidak dibersihkan. Pemutihan perlu dilakukan. Pemberian subsidi dan insentif bersasar ini kita akan beri fokus kepada mereka yang benar-benar terlibat dalam bidang itu dan sebagai satu dorongan, kita akan pastikan mereka yang kita bantu ini memiliki pengetahuan dan berminat menerokai minat baru ke arah memodenkan bidang pertanian. Kita tidak boleh lagi bergantung pada cara tradisional. Dengan keluasan tanah terhad mampu mengeluarkan hasil tinggi kerana ada nilai tambah. Ini yang berlaku di negara luar seperti Belanda, Taiwan, Israel dan mereka mampu untuk eksport kerana nilai tambahnya besar.

Ada 60 peratus pesawah pula berusia lebih 60 tahun, jadi apabila kita bawa konsep memodenkan bidang pertanian, kita perlu meletakkan harapan pada orang muda. Aplikasi *Internet of Things*, saya rasa anak muda yang boleh *drive*. Ada antara anak muda ini, yang berjaya tanpa bantuan kementerian tetapi mereka melalui proses jatuh bangun. Oleh itu kumpulan itu harus kita dekati untuk beri mereka peluang pergi lebih jauh. Duduk dalam kelompok perusahaan kecil dan sederhana (SME), selepas itu dengan kerjasama sektor swasta yang berminat akhirnya menjadi syarikat induk pada sektor lain. Itu yang kita harapkan berlaku dalam sektor pertanian.

Kalau bagi subsidi contohnya, kita dah beri 60 tahun sejak merdeka, kita tak boleh nak keluarkan mereka daripada kumpulan B40 sehingga hari ini. Itu cabaran besar saya. Sebab itu perlu melihat pada aspek lain iaitu konsep pertanian campur, konsepnya kita tidak bergantung pada satu tanaman, ada tanaman lain kalau ini rosak diserang penyakit, kita boleh urus pengeluaran kita. Kita boleh berikan pengetahuan dan latihan secukupnya untuk mengeluarkan atau lahirkan produk dalam sektor pertanian.

**S: Sebelum ini, kementerian dilaporkan melakukan pemutihan terhadap pelbagai program bantuan kewangan secara langsung yang dilaksanakan kerajaan terdahulu kepada nelayan, petani dan penoreh. Apakah hasil pemutihan yang dijalankan itu, anggaran berapa peratus kelompok itu terpaksa digugurkan kerana penyelewengan dan sebagainya.**

**J:** Angka lebih kurang 40,000 jumlah nelayan daripada 70,000 lebih itu untuk nelayan dan bagi kelompok pesawah kita masih dalam peringkat akhir. Jadi kita nak supaya ada isu di luar sana yang menyatakan kita telah tamat dan hentikan elaun sara hidup dan subsidi. Kita bukan hentikan, kita urus kepada kumpulan subsidi bersasar. Selepas itu, elaun sara hidup pun secara bersasar. Kita akan beri pada golongan tepatlah. Kepada yang tulen jadi nelayan, tulen menjadi pesawah supaya setiap pemberian itu tidak disalah guna. Kita mahu urus secara telus dan penuh integriti. Jaminan saya siapa yang pergi ke laut, yang cukup syarat kita akan bantu, begitu juga pesawah.

Untuk menyelesaikan isu ini, kita akan perkenalkan mekanisme untuk pelancong tempatan yang ingin ke laut sekali-sekala, kita akan sediakan pas biasa bukan lesen untuk memenuhi hobi atau aktiviti pelancongan bermusim. Pas maknanya mereka boleh jadi nelayan, boleh ke laut tanpa ditangkap tetapi mereka tidak mendapat subsidi daripada kerajaan.

**S: Sektor pertanian negara selama ini digambarkan tidak mendapat sambutan daripada golongan muda, bagaimanakah senario semasa situasi itu ketika ini?**

**J:** Nak kata mereka tidak minat tidak tepat sebenarnya. Ada yang sudah jadi jutawan. Puratanya golongan muda, ada ijazah, kelayakan, berpengetahuan, profesional tetapi masuk dalam bidang pertanian. Jadi saya tidak nampak ada isu di situ. Keduanya, mungkin dua tiga sektor kita berikan perhatian iaitu sektor padi dan beras membabitkan pesawah yang melihat kekurangan orang muda dan sektor pertanian. Perlu buat beberapa tawaran menarik seperti memberikan mereka insentif di peringkat 'output'. Bila mereka berjaya, mereka guna teknologi moden dan yang gunakan itu anak muda. Kementerian akan berikan panduan dan hala tuju untuk mereka ke hadapan dan berkembang ke dalam industri.

Satu pelancaran Majlis Agropreneur Muda akan diadakan Mac nanti untuk anak muda bergiat

→ Lihat Ms. 13

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/2/2019 | BERITA HARIAN | SOAL JAWAB | 13 |

# Beri masa kerajaan buat perubahan

**S: Apa komen Datuk selaku Timbalan Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH) terhadap kemerosotan sokongan dan populariti yang dialami Pakatan Harapan (PH) ketika ini?**

**J:** Saya melihat ini sebagai suatu indikator yang perlu diperhatikan dengan cermat dan fakta-fakta itu perlu dinilai dengan teliti. Tetapi apa yang penting adalah isyarat politik yang berlaku. Ada enam pilihan raya kecil (PRK) bermula dengan Sungai Kandis, Seri Setia, Balakong, Port Dickson, Cameron Highlands, Semenyih dan dalam siri itu, (PH) ada empat menang dan satu kekalahan. Kemenangan BN pula di tempat mereka. Kalau diukur daripada sokongan rakyat yang dikatakan bosan dan peratusan keluar mengundi begitu rendah, saya rasa walaupun kita kena mengakui kelemahan PH itu sendiri tetapi itu belum lagi menunjukkan suatu penolakan yang total. Kini orang menanti pula PRK Semenyih dan itu juga saya tidak boleh pandang ringan dan harus tingkatkan kekuatan kita. Cuma di bawah ini kita berdepan dengan media sosial yang sentiasa mengkritik kita. Jika kita melihat satu-satu kritikan itu secara objektif, saya tidak menafikan ada kebenarannya dan yang lainnya hanyalah fitnah dan manipulasi.

Sekiranya kita mengatakan kita hilang dukungan rakyat terhadap PH sama ada tempoh sembilan bulan itu suatu yang cukup atau tidak, itu kita pulangkan kepada rakyat. Kalau saya nak tingkatkan pendapatan petani contohnya, adakah ia boleh selesai setahun? Nak sediakan insentif atau skim tertentu adakah kita boleh buat dalam masa yang singkat ini? Melainkan kita baru lahirkan beberapa idea dan dasar yang kita sudah bukukan seperti hala tuju pertanian seperti ini. Ini pun masih lagi satu pelancaran yang kita akan pastikan bergerak selepas ini. Jadi saya secara peribadi dan objektif mengatakan bahawa benar ada perkara kita perlu perbaiki dengan cepat dan pada masa itu kita minta rakyat Malaysia bersabar. Beri kita masa untuk membuat perubahan besar dan bukan mudah bagi saya. Kita perlu dapat sokongan daripada kerajaan.

**S: Kerjasama semakin erat di antara UMNO dan PAS ketika ini, sejauh mana ia boleh mengancam kekuatan PH?**

**J:** Sebenarnya saya gembira UMNO dan PAS terus baik. Itu adalah suatu perbuatan yang menjawab segala-galanya. Kalau AMANAH yang kata mereka kata kita fitnah dan jahat tetapi apabila mereka menampakkan perkara itu, orang putih kata *your action speak louder*. Tindakan PAS itu menjawab segala-galanya. Keduanya, saya tidak melihat itu sebagai satu ancaman kerana isu perkauman tidak pernah berjaya untuk meletakkan parti-parti politik ini hidup subur. Macam UMNO yang merupakan parti perkauman yang akhirnya mereka jatuh juga. Saya melihat masa depan Malaysia ini adalah parti politik yang membawa idealisme menjadikan Malaysia sebuah negara yang dimiliki bersama tanpa mengorbankan prinsip asas seperti agama, perlembagaan, budaya dan cara hidup masing-masing. Itu politik masa depan sebab itu saya gembira. Semakin cepat UMNO dan PAS ini melangsungkan 'perkahwinannya', lagi cepat lagi baik bagi saya kerana rakyat akan nampak kebenaran itu akhirnya terserlah dan bukan kerana fitnah atau jahatnya kami daripada AMANAH ini.

**S: Apakah komen apabila melihat ketika ini, AMANAH kelihatan tidak berjaya menarik kemasukan daripada wakil rakyat meninggalkan UMNO yang cenderung memilih Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU)?.**

**J:** Orang yang hendak masuk ke mana-mana parti ini dia akan melihat peluang... mungkin AMANAH sebagai satu parti dalam komponen PH yang dianggap baharu, kedudukannya tidak kukuh dalam kerajaan. Jadi itu mungkin sebab kenapa mereka lebih memilih BERSATU tetapi saya juga melihat daripada aspek di mana selagi cepat mereka ini menyeberangi mana-mana parti, selagi cepatlah UMNO mati dan lumpuh sepenuhnya. Jadi senang kerja kita kalau UMNO ini mati, salah satu *battle ground* (medan peperangan) tu dah tutup. Jadi itu dari segi politiknya kita lihat begitu, cuma kita perlu menguruskan kemasukan ahli atau bekas UMNO supaya PH tidak dilihat sebagai rumah pelarian atau kem pelarian.

Itu penting bagi saya. Memang diakui antara mereka masih ada tokoh yang baik, yang mungkin kalau diberikan peluang boleh menjadi pemimpin yang baik. Itu boleh kita bincang kemudian. AMANAH walaupun tidak bergerak laju, tetapi kita sabar dahulu, membuat persediaan. Menteri dan Timbalan Menteri mesti lebih fokus pada kerja, itu saya rasa yang saya nak bagi tahu. Kita tidak minat sangat nak tunjukkan kekuatan kita dari segi berpolitik, atau cuba mengganggu rumah tangga rakan lain kerana kita sibuk dengan kerja kita. Itu lebih penting bagi AMANAH.

**S: AMANAH sering dan terus dikaitkan sebagai pendukung DAP dan didakwa selama ini menerima pembiayaan daripada parti terbabit. Apa komen?**

**J:** Itu daripada dululah. Daripada kita dalam PAS lagi sudah mendengar ada Tok Guru Nik Aziz (Allahyarham Datuk Nik Aziz Nik Mat), Ustaz Hadi (Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang) dan Ustaz Fadzil (Allahyarham Datuk Fadzil Noor, bekas Presiden PAS) pun, PAS memang dianggap barua DAP, duduk di bawah cengkaman DAP. Jadi AMANAH tiada masa nak layan perkara ini. Yang penting AMANAH hari ini kita wujud, kita ada peluang dalam kerajaan dan tunjukkan kita mampu mentadbir dan beri perkhidmatan yang baik. Itu lebih penting pada saya. Kalau tak percaya esok tubuhkan satu parti Melayu, kalau PAS lah esok bulan hadapan masuk dalam PH contohnya, saya yakin PAS juga akan jadi barua DAP. Itulah naratif yang sama. Jadi kalau saya nak layan itu semua sampai akhir zaman, kiamat tak selesai.

# Galak anak muda semarakkan bidang pertanian

← Dari Ms. 12

dan menjadikan majlis ini sebagai satu platform menyemarakkan lagi minat anak muda dalam bidang pertanian. Tokoh anak-anak muda yang sudah berjaya dalam sektor pertanian yang akan membarisi majlis ini. Kita juga ada skim.... Agro Bank bersedia menawarkan beberapa skim untuk menggalakkan anak muda masuk dalam sektor pertanian.

**S: Kerajaan bercadang memajukan sektor pertanian, namun pada masa sama, kita berdepan isu buruh. Bagaimanakah isu ini mahu ditangani menerusi pelan hala tuju yang dilancarkan?**

**J:** Kalau kita mahu melihat sektor pertanian menjadi penyumbang utama kepada negara, kalau kita nak pergi jauh setanding negara maju, dasar (pertanian) negara pun kena digubal semula. Kita tidak boleh bergantung kepada kementerian sahaja, macam anda sebut tadi soal buruh membabitkan Kementerian Sumber Manusia, melibatkan Kementerian Kewangan, juga melibatkan Kementerian Sains dan Alam Sekitar, malah turut membabitkan isu kesihatan yang perlu (ditangani) Kementerian Kesihatan. Jadi dasar berkaitan pertanian ini perlu digubal, jangan ada kepincangan peruntukan bajet atau fokus misalnya kata pertanian dari segi bajet tidak seimbang dan tidak tunjuk kita serius nak majukan bidang ini. Tahun ini RM4.8 bilion (peruntukan) bajet berbanding sebelum ini, berlaku penurunan sedangkan ada kementerian lain diberikan tambahan. Dasar ini kena jelas dari segi bajet, insentif, campur tangan kerajaan.... jadi itu semua penting untuk kita lihat secara holistik. Kalau tidak, kementerian ini tidak boleh berdiri secara bersendirian. Isu tanah misalnya kita memerlukan kerjasama kerajaan negeri. Dasar ini tidak mampu diselesaikan kementerian secara bersendirian, mesti ada suatu gabungan dasar dan juga pelan bertindak yang membabitkan mungkin satu jawatankuasa khas Kabinet untuk melihat dan gubal dasar negara mengenai pertanian.

**S: Pada masa sama juga, isu tanah pertanian terbiar disebabkan pelbagai faktor masih dialami di seluruh negara. Kenapa ini terus berlaku dan apakah tidak ada usaha untuk membangunkannya secara bersepadu?**

**J:** Ada beberapa kategori menyulitkan. Pertama sekali tanah terbiar ini juga berlaku di agensi lain misalnya FELCRA dan FELDA..Kadang kala FELDA atau FELCRA keberatan menggunakan tanah mereka atas alasan mereka ada cara tersendiri menguruskan tanah itu. Keduanya, tanah terbiar di sepanjang pencawang dah ada beberapa syarikat sewa dan ada berjaya. Ketiga adalah tanah pusaka. Tanah dibiarkan oleh adik-beradik kerana nama cukup ramai ini juga menyumbang kepada jumlah yang besar. Jadi pengurusan itu penting untuk kita lihat.

**S: Apakah langkah yang mahu diambil kementerian untuk menangani isu tanah biar menerusi hala tuju yang dilancarkan ini?**

**J:** Itu termasuk dalam hala tuju keempat iaitu menambah baik ekosistem industri pertanian untuk menyokong pemodenan pertanian, pelaburan sektor swasta dan kegiatan pengembangan untuk petani, penternak dan nelayan. Tanah terbiar ini akan kita lihat sebagai suatu daripada fokus kita di mana pengurusan tanah juga perlu mengadakan perundingan. Kementerian saya sedia memimpin beberapa kementerian lain untuk selesaikan isu birokrasi dan pertindanan ini.

**S: Tidakkah kerajaan berhasrat menubuhkan koperasi peringkat kampung atau mukim bagi mengambil alih tanah terbiar pertanian untuk diusahakan secara berkelompok dengan pemilik diberi pegangan saham?**

**J:** Ya, itu yang saya sebut dalam ucapan yang kita nak menstruktur kembali peranan Penubuhan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Pertubuhan Peladang Kawasan yang mesti serius untuk mengurus tadbir hasrat ini. Visi ini kerana petani kekal dengan pertanian kecil, maka kita tidak boleh maju ke hadapan. NAFAS boleh menjadi satu agensi yang mengurus tanah-tanah terbiar ini untuk ditanam dengan tanaman kontan. Saya juga menekankan pertanian campur supaya pesawah tidak bergantung pada satu hasil. Contoh menanam cili sahaja, kita berdepan saingan cili asing dari Vietnam. Pesawah dan nelayan mereka juga ada tanaman kontan atau aktiviti pertanian mereka terlibat untuk dapatkan hasil tambahan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/2/2019 | MINGGUAN MALAYSIA | RENCANA | 15 |

# Siapa mahu dengar tangisan kami?



KOPI PANAS

Oleh ROZAMAN ISMAIL

Bukan mudah mahu melihat seorang ahli politik apatah lagi seorang menteri menangis teresak-esak di atas pentas di hadapan khalayak ramai. Ahli politik sebagaimana diketahui, sentiasa terkenal dengan jiwa kental, emosi kukuh dan tidak mudah goyah dan tahan lasak, jauh sekali menyerah kalah dalam apa jua keadaan. Walaupun ada kala dalam satu-satu keadaan, mudah tersentuh dan sebak, tetapi tidaklah sampai menangis teresak-esak. Hanya pelakon drama atau filem sahaja berbakat dalam bab-bab atau adegan tangis-menangis ini.

Bagaimanapun apa yang berlaku kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub dua hari lalu berbeza. Beliau tersentuh dan terus menangis teresak-esak selepas membaca sepucuk surat yang ditulis oleh Ibas Hamud seorang pesawah tua dari Parit 10, Sungai Besar, Selangor. Ibas mewakili seluruh petani, pesawah, nelayan dan peneroka meluahkan penderitaan dan kesusahan hidup setelah kerajaan bertindak memotong baja subsidi dan elaun sara hidup golongan tersebut. Menariknya, ketika Salahuddin membacakan surat tersebut, Ibas berada di sebelah. Walaupun pada awal sesi membaca surat sempena Majlis Pelancaran Hala Tuju kementerian tersebut hanya satu gimik, kandungan surat itu ternyata memberi kesan emosi kepada Salahuddin sehingga menyebabkan beliau menangis. Orang ramai yang hadir pada majlis tersebut turut sebak dan sama-sama menangis. Salahuddin ada sebab untuk turut merasa terkesan dengan isi kandungan surat itu kerana beliau juga berasal daripada latar belakang kehidupan yang lebih kurang serupa dengan pesawah tua dari Sungai Besar itu.

Tidak pernah lagi berlaku rasanya sejak kerajaan baharu mengambil alih tampuk pemerintahan negara, ada seorang anggota Kabinet menangis tanpa berselindung ketika menyelami rintihan golongan rakyat marhaen yang berhadapan dengan cabaran hidup semakin mendesak dan menghimpit ini. Yang banyak berlaku ialah ahli politik khususnya menteri-menteri Kabinet berterusan dengan politik hentam -menghentam, kutuk-mengutuk, saling memperlekeh dan saling menyalahi sampai ke saat ini. Ada juga sebahagian daripada mereka begitu ghairah dan seronok memperkenalkan polisi dan pendekatan baharu yang nampak seperti 'hebat' tetapi hakikatnya menyusahkan kehidupan rakyat!



MASIH adakah ahli politik yang mahu sama-sama menangis, mendengar rintihan golongan miskin dan berpendapatan rendah seperti pesawah, petani, peneroka dan nelayan.

> *Sebagaimana esakan tangisan Salahuddin pada majlis tersebut, golongan bawahan berpendapatan rendah sebenarnya telah lama menangis. Bagaimanapun ramai yang tidak tahu mereka menangis dalam diam.*



## Rakyat merintih

Sebagaimana esakan tangisan Salahuddin pada majlis tersebut, golongan bawahan berpendapatan rendah sebenarnya telah lama menangis. Bagaimanapun ramai yang tidak tahu mereka menangis dalam diam. Esakan dan rintihan mereka tidak ada siapapun yang tahu kerana tidak kedengaran dan tidak di hadapan ramai. Golongan ini menanggung sendiri penderitaan kerana kalaupun mereka menangis secara terbuka waima meraung sekalipun, siapa yang mahu mendengar? Masih adakah ahli politik yang mahu sama-sama menangis, mendengar rintihan golongan miskin dan berpendapatan rendah seperti pesawah, petani, peneroka, nelayan, pemandu teksi dan kereta sewa, penarik beca, penjaja kecil, penjual sayur dan pengawal keselamatan?

Mereka terpaksa berterus terang kerana sudah tentu tidak tahan lagi dengan kos sara hidup yang semakin mencengkam dan menghimpit dari sehari ke sehari. Bukan mereka sahaja, semua rakyat di pelbagai peringkat lapisan masyarakat. Orang kaya dan berkemampuan pun bercakap, tetapi kesan besar sudah tentu terkena kepada rakyat miskin dan orang susah. Bayangkanlah kalau pendapatan seharian, hanya lepas untuk membeli beras dan ikan sahaja.

Bagaimana pula dengan persediaan persekolahan baju, kasut, buku dan alat tulis anak-anak terutama pada awal tahun? Ada yang merintih terpaksa mencatu belanja persekolahan anak-anak dek kerana kesempitan hidup. Lebih teruk ada menjadikan bangsal tempat tinggal kerana tidak mampu menyewa bilik jauh sekali rumah.

Dengan harga barang dan perkhidmatan yang tidak nampak sinar akan turun dan kembali pulih sebagaimana dijanjikan sewaktu kempen pilihan raya yang lalu, kumpulan ini ada hak untuk merasa kecewa dan marah. Tindakan kerajaan memotong atau mengurangkan bantuan elaun sara hidup atau subsidi pertanian yang biasa diterima selain mengetatkan lagi syarat-syarat untuk satu-satu bantuan seperti Bantuan Sara Hidup (BSH) menambahkan lagi tekanan hidup. Sehingga ke hari ini tidak nampak lagi isu peningkatan kos hidup rakyat dapat diselesaikan.

Apa yang mereka mahu ialah kesungguhan kerajaan menyelesaikan isu kos sara hidup kerana isu ini sangat dekat dengan kehidupan seharian rakyat. Golongan ini tidak berminat untuk mendengar isu-isu kehakiman negara, sukan Formula Satu atau isu kutipan dana bagi penajaan projek pelari solo negara, isu dana penajaan lawatan pasukan keselamatan ke luar negara atau isu cita-cita Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu menjadi Perdana Menteri seterusnya. Itu semua tidak penting dan tidak memberi faedah, kesan serta apa-apa perubahan pun kepada kehidupan mereka. Rakyat berpendapatan rendah cuma prihatin dengan kenaikan harga barang keperluan seharian, harga minyak, tol, isu perumahan mampu milik yang sangat dekat dengan mereka.

## Tidak berubah

Rakyat berhak membuat perbandingan dengan kerajaan sebelum ini kerana tidak banyak perubahan yang dirasakan sejak berlaku peralihan tampuk pemerintahan. Sebagai contoh, harga barang masih lagi naik dan terus naik, tol tak turun-turun, rumah mampu milik hanya tinggal angan-angan. Tidak ada beza langsung malah tidak keterlaluan ada yang mendakwa lebih teruk. Bukan tidak ada yang sudah dilaksanakan kerajaan pada masa ini tetapi masih belum cukup, agak perlahan, tidak menampakkan hasilnya dan tidak berupaya untuk meyakinkan rakyat. Pada hari ini rakyat lebih merasai beban kehidupan berbanding faedah daripada apa yang kerajaan dakwa sudah dilakukan.

Isu berkaitan kehidupan seharian rakyat bukan isu kecil, tidak penting dan boleh ditangguh-tangguh. Dalam keadaan ekonomi yang menghimpit dan terus menghimpit kehidupan, rakyat kebanyakan sudah banyak bersabar dan mereka masih lagi bersabar, tetapi sampai bila?

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/2/2019 | MINGGUAN MALAYSIA | RENCANA | 16 |

# 6 strategi media untuk menteri



**MERREPAK**
Oleh
**JOHARDY IBRAHIM**
*twitter: @johardyibrahim*




KETIKA mula-mula membaca teks berita dan gambar menunjukkan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub menangis semasa menerima surat terbuka daripada pesawah, sekilas itu merasakan ia adalah berita yang perlu diketengahkan dalam akhbar ini.

Namun apabila menonton video rakaman acara Khamis lalu, terasa aneh pula. Nampak seolah-olah ia bukan spontan. Pertamanya, ketika pesawah memberi salam di bawah pentas dan menteri turun menyambutnya.

Pantas dikesan pesawah itu ada mikrofon tanpa wayar dan kedudukan kamera yang tepat. Jika spontan, semua ini tidak akan dapat dirakam sebegitu kemas. Kemudian di atas pentas, ada pula muzik syahdu mengiringi menteri.

Bila diteliti pula kandungan surat, ia bukan sajak atau surat cinta. Ia adalah luahan berani daripada hati seorang pesawah yang tiada menapis perkataan terhadap menteri. Hinggakan seorang rakan berkata, dia sendiri pun akan menangis kalau terima surat sedemikian rupa.

Keesokan harinya di Johor Bahru, Salahuddin mengaku ia adalah gimik tetapi meminta orang ramai menilai iltizam yang dizahirkan beliau iaitu berusaha gigih untuk membela nasib golongan pesawah, petani, nelayan dan sebagainya yang di bawah skop kementeriannya.

Hendak kasihankan Salahuddin, memang kasihan. Ini bukan salah beliau. Ini salah pengarah gimik yang jelas kurang sensitif terhadap keadaan semasa yang menyelubungi kerajaan hari ini iaitu integriti dan kecekapan.

Kepada pakar strategi media kerajaan hari ini, tolong ambil perhatian kepada enam elemen di bawah dalam merangka skrip atau strategi media. Jika perlu masukkan, silalah. Jika perlu elak, janganlah langgar. Ini nasihat *Merrepak*:

## 1 EKONOMI

Ada dua tema yang sering dikumandangkan sekarang. Pertama, ekonomi negara teruk kesan daripada salah urus kerajaan BN dahulu, jadi sekarang PH giat hendak memulihkannya. Kedua, ekonomi negara berada di landasan betul untuk mencatat pertumbuhan KDNK yang sihat.

Bagi yang pertama, rakyat sentiasa diperingatkan betapa negara menanggung hutang RM1 trilion selain skandal korporat terbesar dalam abad ini, 1MDB (masih dakwaan kerana masih dibicara di mahkamah).

Oleh kerana hutang banyak, maka logiklah projek-projek mega anjuran BN dibatalkan atau dikecilkan atau terapung-apung sebab sekejap kata batal, kemudian kata tidak batal.

Persoalannya, logikkah pula dalam keadaan di atas, disarankan pula projek kereta nasional dan mengembalikan lumba Formula 1?

Ini membawa kepada tema kedua, bab KDNK sihat. Tahukah ia tidak membawa apa-apa makna kepada petani, peladang, nelayan dan pemandu bas? Merekalah yang merasa bila bantuan sara hidup dipotong. Tangisan mereka bukan dibuat-buat.

## 2 INTEGRITI

Ayat wajib untuk kerajaan mewajarkan tindakan mereka sekarang ialah 'ia salah kerajaan BN yang rasuah dan mewajarkan politik wang'. Okey, rakyat percaya sejak 9 Mei 2018. Sebab itu BN ditumbangkan.

Sekarang, buatlah lebih baik. Elak daripada melakukan kejahatan serupa yang dilakukan oleh BN. Dosa BN jangan diulangi. Ini semangat Malaysia Baharu yang mempesona seluruh generasi muda semasa Pilihan Raya Umum Ke-14.

Tetapi jika berterusan memberi alasan sedemikian, demi untuk mewajarkan kesalahan yang dilakukan oleh kerajaan hari ini, orang akan mula bertanya apa beza dulu dengan sekarang?

Soal integriti merupakan satu elemen besar diguna oleh PH untuk menarik pengundi. Ini kerana BN dilabel sebagai tiada integriti akibat gila kuasa, gila wang, gila segalanya. Sekarang bila terdedah kisah menteri mengisytihar sijil akademik yang sebenarnya tiada, anda tidak boleh menjawab 'lebih baik menipu sijil daripada menyamun harta'.

Tiada peraturan Robinhood diguna pakai di Malaysia. Kesalahan tetap kesalahan. Tiada kesalahan kecil. Sebab itu, ada yang dipenjara setahun kerana mencuri sebotol syampu berbanding eksekutif dipenjara tiga bulan kerana menipu saham berjuta ringgit.

## 3 TAK CEKAP

Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad sudah menyebut aspek kecekapan dalam kalangan Jemaah Menterinya. Penasihat kerajaan, Tun Daim Zainuddin semakin kerap menyebutnya kebelakangan ini.

Memang benarlah ada yang tidak cekap. Jadi rakyat yang mengundi kerajaan berharap menteri yang tidak cekap ditukarkan. Tetapi nampaknya tidak berlaku.

## 4 TERLALU BERPOLITIK

Dalam rakyat merintih kesan kos sara hidup mahal sekarang, nampaknya negara ini tidak berhenti-henti berpolitik. Pilihan raya kecil berlaku hampir selang sebulan, ini tidak dapat dielak bila wakil rakyat meninggal dunia. Tapi lihatlah cerita orang lompat parti, cerita parti lebarkan sayap ke Mindanao. Hari-hari! Rakyat marhaen mula rimas. Taksub mengumpul kuasa ini mengakibatkan nasib orang bawahan tidak dipedulikan.

## 5 PUSINGAN 'U'

Rimas rakyat ini meliputi semua. Ketika ekonomi negara belum nampak memberi apa-apa impak besar kepada marhaen, kerajaan nampaknya cenderung kepada benda-benda yang dulunya mereka sendiri bantah.

Contoh mudah, pelaksanaan kamera AES walaupun matlamatnya dimaklumi, selain dicemuh kerana dulu PH yang bermati-matian mahu AES dihapuskan, sekarang mahu dikekalkan. PTPTN jangan katalah. Ramai sudah merana.

## 6 URUSAN ISLAM

Tanpa mahu menghuraikan panjang lebar, hal ehwal membabitkan umat Islam dan agama termasuk Tabung Haji, hendaklah diurus dengan penuh cermat dan teliti. Tolonglah.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/2/2019 | MINGGUAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 8 |

# Tolong dengar rintihan rakyat

**MUKADIMAH**

Oleh MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI

SUDAH jatuh ditimpa tangga. Itulah nasib yang menimpa kebanyakan petani, pekebun, nelayan dan mungkin sebahagian penternak yang sudah lama terhimpit dengan kesukaran meneruskan kelangsungan hidup, lebih-lebih lagi apabila beberapa insentif termasuk elaun sara hidup dinikmati sebelum ini dipotong.

Apa yang menyedihkan, ada dalam kalangan mereka terpaksa mencatu makanan dan mengikat perut untuk meneruskan kelangsungan hidup. Isu ini bukanlah baharu kerana Utusan Malaysia dan Mingguan Malaysia setiap hari sejak beberapa bulan lalu melaporkan keperitan dan kesukaran hidup dilalui golongan ini khususnya melalui ruangan khas Rintihan Rakyat.

Persoalannya, sejauh manakah masalah ini telah diatasi? Adakah masih belum cukup dengan laporan yang didedahkan sebelum ini? Atau adakah laporan yang didedahkan masih belum cukup kritikal pada pandangan kerajaan? Hakikatnya, kerajaan perlu memberi perhatian dan membuka mata kepada nasib golongan petani, pekebun dan nelayan.

## Rintihan peniaga jagung manis

## Harga kelapa resahkan petani

## Nelayan semakin terhimpit

## Hidup terhimpit, pendapatan susut

Terpaksa ikat perut, hemah berbelanja

## Harga sawit terus jatuh, pekebun kecil terhimpit

'Kami sekeluarga hanya makan nasi putih dengan kicap'

Peneroka terpaksa buat kerja sampingan

Harga getah murah menyempitkan kehidupan penoreh

## Belanja sekolah anak terpaksa dicatu

## 'Saya belum terima bantuan RISDA RM600'

## 6 bulan tiada air bersih

Tolonglah kami anak Felda!

'Bukan meminta tetapi terpaksa'

## Pesawah merintih, tidak dapat tuai hasil

Penoreh getah terus merintih

## 'Hanya lepas beli beras, ikan'

Anak terpaksa pakai baju sekolah lama

## 'Maaf nak, ayah tak mampu beli'

## Nelayan rayu bantuan sara hidup

## Nelayan rayu kembalikan elaun sara hidup

Hidup ibarat kais pagi makan pagi

## Kegagalan Felda urus ladang jejas aliran tunai

## 'Hendak makan pun, kami tiada duit'

'Malu nak cerita kehidupan kami'

## Cuci pinggan sara hi...

## ...a cukup sara keluarga

Keluarga tinggal dalam bangsal tembakau dibantu

Bangsal jadi tempat berteduh

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/2/2019 | SINAR HARIAN | SENTRAL | 18 |

# Pengurangan bantuan jejas kehidupan nelayan



TALIB

**KUANTAN** - Nelayan di negeri ini mengakui kehidupan terjejas selepas bantuan sara hidup mereka dikurangkan sebanyak RM100 berbanding sebelum ini.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kuantan, Talib Husin berkata, kini nelayan hanya menerima bantuan RM250 hingga RM200 sebulan, bagi menyara kehidupan mereka.

"Kalau dulu nelayan kategori A menerima bantuan RM300, tapi kini hanya RM200 sahaja.

"Tetapi bagi nelayan kategori B dan C pula menerima bantuan sekitar RM250 namun bagi pemilik bot yang menyewakan bot mereka kepada tekong tiada bantuan diberikan sejak kerajaan PH mengambil alih pemerintahan negara," katanya ketika dihubungi Sinar Harian.

Katanya, pengurangan memberi kesan yang mendalam kepada nelayan memandangkan mereka bergantung kepada bantuan tersebut.

"Nelayan memang bergantung pada bantuan terbabit terutamanya musim tengkujuh... pada musim ini mereka tidak dapat ke laut, jadi bantuan tersebut akan digunakan.

"Jadi, bila dah dikurangkan perbelanjaan terjejas, ditambah pula kos sara hidup masih lagi tinggi," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/2/2019 | SINAR HARIAN | SABAK BERNAM | 22 |



SABAK BERNAM

HUBUNGI SKUAD SABAK BERNAM: MOHD IZZATUL IZUAN - 019-2650821 / 019 6680275

# 'Jangan sekat bantuan kami'

*Nelayan mahu bantuan diteruskan, tiada potongan*

MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SABAK BERNAM

Kira-kira 150 nelayan pesisir pantai di Kampung Sungai Haji Dorani di sini, mendakwa Elaun Sara Hidup (ESH) golongan itu dikurangkan sebanyak RM100 berbanding RM300 sebelum ini.

Lebih mengecewakan mereka sebahagian kecil nelayan di situ mengadu bantuan yang diterima pada pertengahan bulan tidak dimasukkan ke akaun seperti biasa sejak tiga bulan lalu.

Rahmat Mat Darus, 52, berkata, nelayan kampung itu terkejut apabila ESH bulan ini dibayar hanya RM200 berbanding RM300 pada bulan sebelumnya.

"Kami hairan kenapa ESH nelayan dikurangkan RM100, sedangkan kami yang bergadai nyawa setiap hari turun ke laut terhimpit dengan kos sara hidup semakin tinggi.

"Kerajaan sepatutnya cari jalan penyelesaian bantu ringankan beban dan bukannya menyusahkan kami dengan memotong ESH," katanya.

Rahmat yang menyara hidup sebagai nelayan sejak 30 tahun lalu berkata, mereka tidak menerima sebarang notis dan makluman daripada kerajaan berhubung pemotongan bantuan berkenaan.



Rahmat (kanan) kecewa apabila bantuan ESH nelayan diperoleh dipotong sebanyak RM100 bulan ini.

"Kerajaan sebelum ini sentiasa membantu nelayan dengan memperkenalkan ESH dan menaikkan jumlah bantuan bulanan diberi, tapi Kerajaan PH pula seolah-olah mengabaikan periuk nasi kami. Ada juga dakwaan elaun ini akan ditamatkan," katanya.

Justeru katanya, mereka merayu supaya mengekalkan atau menambah ESH yang selama ini berjaya meningkatkan taraf ekonomi golongan berkenaan.

"Janganlah sekat dan kurangkan bantuan yang kami terima. Kasihanilah kami yang turun ke laut terpaksa berpanas, berhujan dan menempuh laut bergelora sematamata mencari sesuap nasi," kata bapa tujuh anak itu.

Mohd Said Abdullah, 52, pula mendakwa dia antara puluhan nelayan di kawasan itu yang tidak memperoleh ESH sejak Disember tahun lalu.

## Jadi tanda tanya

Mohd Said yang bekerja sebagai nelayan sejak berusia 12 tahun berkata, keadaan itu menimbulkan tanda tanya sedangkan semua dokumen diperlukan lengkap dan lesennya masih aktif.

Menurut Mohd Said, ESH yang diterima sebanyak RM300 sebelum ini banyak membantunya sekeluarga membeli barang keperluan harian.

"Hidup sebagai nelayan ini seperti air laut yang ada pasang surutnya. Kalau ada rezeki ikan banyak, lebihlah pendapatan kami... tapi pernah juga, tak dapat langsung hasil dan terpaksa pulang dengan tangan kosong," katanya.

Nurul Samsul Mohd Idris, 35, memberitahu, dia sebelum ini tiada masalah ESH yang tidak diterima beberapa bulan.

**info**

**Nelayan dakwa ESH dikurangkan RM100 tanpa sebarang notis, ada yang dakwa tidak terima sejak Disember**

Bagaimanapun katanya, sejak tiga bulan lalu, keadaan itu menjadi tanda tanya termasuk beberapa rakan lain.

"Bayangkan saya dengan penuh harapan pergi ke bank sematamata ingin keluarkan duit ESH. Namun kecewa apabila duit itu tidak masuk ke dalam akaun.

"Saya juga mempunyai seorang anak bersekolah dan dua lagi masih kecil berusia satu serta tiga tahun yang memerlukan perbelanjaan membeli susu dan lampin pakai buang," katanya.

Menurutnya, dia masih berharap kerajaan dapat melunaskan bayaran ESH yang tertangguh tiga bulan lalu dibayar serentak.

"Kami kecewa dengan situasi yang menimpa sekarang. Kerajaan boleh guna pelbagai usaha lain untuk berjimat-cermat, tetapi tolong jangan ambil duit bantuan nelayan," katanya.



Nelayan mendesak kerajaan mengekalkan pemberian ESH sebanyak RM300 dan tidak menangguhkan bayaran kepada beberapa nelayan lain.



Ramai nelayan pesisir pantai di Kampung Sungai Haji Dorani bergantung kepada sumber pendapatan itu untuk menyara keluarga.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/2/2019 | BERITA HARIAN | INSPIRASI | 16 |



# INSPIRASI

[FOTO HASSAN OMAR /BH]



***Shafie memberi susu*** *kepada anak kambing boer berusia kurang enam bulan.*



***Persekitaran ladang penternakan KLAS Farm di kawasan seluas 4.4 hektar*** *di Kampung Ulu Rantau, Rantau Panjang dekat Alor Gajah.*



***Shafie (tengah) dan kakitangan*** *meneliti makanan yang dihasilkan sendiri.*



***Dr Si Thu membuat*** *proses permanian beradas pada kambing boer.*

# Potensi ternak kambing boer tahan lasak

## Baka dibiak KLAS Farm mampu cepat membesar, banyak daging

**Oleh Hassan Omar**
cnews@nstp.com.my

**Alor Gajah**

Mempertaruhkan pelaburan bernilai kira-kira RM1 juta, seorang pemilik syarikat perunding kejuruteraan awam menceburi sektor penternakan kambing boer sejajar peningkatan permintaan terhadap haiwan berkenaan.

Shafie Abdul Majid, 57, yang menubuhkan Knowledge Based Agriculture Resolution (KLAS) Farm Sdn Bhd (KLAS Farm) pada 2008, berkata pelaburan itu digunakan bagi membina lapan kandang yang setiap satu berukuran 12 x 30 meter, selain membeli 30 kambing boer betina bunting yang diimport sebuah syarikat di Shah Alam dari Afrika Selatan.

Kini, dengan pemasaran purata 25 boer jantan dan 25 betina sebulan, KLAS Farm muncul sebagai antara pembekal baka kambing boer yang mampu menghadapi cuaca dan ancaman penyakit tempatan.

Katanya, boer dipilih kerana selain mampu membesar dengan lebih cepat berbanding kambing jenis lain, ia juga memiliki berat atau kuantiti daging lebih banyak berbanding kambing katjang (kampung) atau kambing import yang lain.

"Kambing betina itu sudah menjalani proses permanian berhadas atau 'Artificial Insemination' (AI) dan ia adalah titik tolak untuk KLAS Farm memperoleh anak kambing baka boer yang seratus peratus boer asli dari Afrika Selatan dan bukannya kacukan.

### Terus majukan aspek AI

"Dalam tempoh dua tahun, jumlah kambing meningkat kepada 200 ekor tetapi sepanjang tempoh ini saya tidak menjual walaupun seekor kerana ingin mengumpulkan sebanyak mana baka kambing boer berkualiti sama ada jantan atau betina.

"Alhamdulillah, kami terus memajukan aspek AI di ladang penternakan kami seluas 4.4 hektar melalui bantuan seorang doktor perubatan veterinar dari Myanmar, Dr Si Thu," katanya ketika ditemui di ladang ternakannya di Kampung Ulu Rantau, Rantau Panjang, di sini.

Shafie yang berasal dari Kampung Paya Rumput, Masjid Tanah berkata KLAS Farm juga membeli baka kambing jantan boer berkualiti tinggi dari sebuah pusat penyelidikan pertanian dan penternakan terkemuka di Malaysia untuk dibiakkan.

Hasilnya, dengan pelaburan kira-kira RM50,000 untuk melaksanakan AI setahun, KLAS Farm kini muncul sebagai antara syarikat tempatan yang mampu membekalkan baka kambing boer jantan dan betina berkualiti tinggi ke seluruh negara, khususnya di Pantai Timur Semenanjung.

### Terima pengiktirafan

Berkat kesungguhan Shafie dan doktor perubatan veterinar serta lima petugas di ladang berkenaan mengaplikasi AI, KLAS Farm dianugerahi 'Bio-Nexus Status' oleh Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd (kini Malaysian Bioeconomy Developmenet Corporation Sdn) Bhd, pada 2010.

Selain itu, KLAS Farm juga dianugerahkan Amalan Pertanian Balik Malaysia (myGAP) pada 2012 berikutan kemampuannya mempraktikkan myGAP yang berkonsepkan mesra alam sekitar, selain memelihara kebajikan dan keselamatan pekerja bagi menghasilkan produk berkualiti tinggi dan selamat untuk dimakan.

Kemampuan Shafie memajukan pembiakan baka kambing boer turut diiktiraf melalui anugerah Peladang Jaya Lelaki Melaka 2014, sekali gus membuktikan sektor pembiakan kambing berpotensi untuk dikembangkan sebagai perniagaan menguntungkan.

Bagi menjimatkan kos tanpa mengabaikan aspek kualiti dan zat makanan kambing, Shafie berjaya menghasilkan sendiri makanan untuk 1,000 ekor kambing yang mampu membesar dalam tempoh singkat dan memiliki daya tahan penyakit.

KLAS Farm mampu menghasilkan makanan diperbuat daripada campuran jagung, rumput napier, soya, vitamin dan beberapa bahan lain yang menjadi rahsia pembuatan makanan syarikat berkenaan khusus untuk anak kambing dan kambing dewasa.

Sejak setahun lalu syarikat itu sudah mengembangkan sayap ke sektor penyediaan daging kambing salai claypot di restoran miliknya di Taman Seribu Bunga, Ayer Keroh, Melaka.

Maklumat lanjut boleh diperoleh melalui Facebook Klas Farm Sdn Bhd atau menghubunginya di talian 06-2310940 atau 010-3022770.

**Info**

### Kambing boer

- **Kambing** baka jantan dan betina berusia antara empat hingga enam bulan yang mencapai berat 20 kilogram (kg) hingga 30kg boleh dijual antara RM1,200-RM1,300 seekor.
- **Kambing** baka jantan dewasa seberat 30kg boleh ditawarkan pada harga RM1,600 seekor, manakala baka jantan berusia setahun yang mencapai 50kg berharga RM2,300 seekor.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/2/2019 | BERITA HARIAN | ISU | 4 |

EKSKLUSIF

# NAFAS, PPK bakal urus tanah terbiar



"Usaha mahukan NAFAS membangunkan tanah terbiar ialah supaya petani tidak agi kekal dengan corak pertanian secara kecil-kecilan, kerana kaedah itu tidak membawa petani dan negara ke mana"

***Salahuddin Ayub,*** *Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani*

## Kerajaan usaha perbesar, modenkan sektor pertanian secara bersepadu

**Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof**
mohdfahmi@bh.com.my

**Johor Bahru**

Tanah terbiar di seluruh negara akan dibangunkan dalam usaha memoden serta memperbesarkan sektor pertanian negara.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata bagi tujuan itu Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) akan diberi peranan baharu untuk menguruskan tanah terbiar itu.

Katanya, bagi tujuan itu juga, kementeriannya akan memimpin kementerian lain dalam menangani isu tanah pertanian terbiar ini secara bersepadu. Bagaimanapun, saiz sebenar tanah terbiar di seluruh negara belum dapat dipastikan.

Program berkenaan katanya, dalam pertemuan eksklusif bersama *BH*, sudah dimasukkan dalam hala tuju sektor pertanian negara yang diumumkan kementeriannya, kelmarin dengan menggariskan keutamaan dan strategi bagi tempoh 2019 hingga 2020.

### Kategori tanah sulit diselesaikan

Beliau berkata, ada beberapa kategori tanah pertanian terbiar di negara ini yang menyulitkan untuk diselesaikan.

"Pertama sekali tanah terbiar ini milik agensi lain misalnya FELCRA dan FELDA. Kadang-kadang FELDA atau FELCRA keberatan menggunakan tanah atas alasan mereka ada cara tersendiri menguruskan tanah itu.

"Kedua, tanah terbiar di sepanjang pencawang. Bagaimanapun sudah ada beberapa syarikat menyewa tanah berkenaan dan ada yang berjaya mengusahakannya.

"Ketiga adalah tanah pusaka. Tanah dibiarkan oleh adik-beradik kerana nama cukup ramai ini juga menyumbang kepada jumlah yang besar. Jadi pengurusan itu penting untuk kita lihat," katanya.

Berikutan itu kata Salahuddin, NAFAS boleh menjadi satu agensi yang mengurus tanah terbiar ini untuk ditanam dengan tanaman kontan, selain menekankan pertanian campur supaya pesawah tidak lagi bergantung kepada satu hasil sahaja.

"Contoh menanam cili sahaja, kita berdepan saingan cili asing dari Vietnam. Pesawah dan nelayan negara itu juga ada tanaman kontan atau aktiviti pertanian mereka terbabit untuk dapatkan hasil tambahan," katanya.

### Pelbagaikan hasil pertanian

NAFAS dilancarkan pada 31 Mac 1972 dengan matlamat meningkatkan dan mempelbagaikan hasil pertanian selain membekalkan input, keperluan ladang serta keperluan harian.

Katanya, usaha mahukan NAFAS membangunkan tanah terbiar ialah supaya petani tidak lagi kekal dengan corak pertanian secara kecil-kecilan, kerana kaedah itu tidak membawa petani dan negara ke mana.

"Tanah pertanian terbiar ini akan kita lihat sebagai suatu daripada fokus kementerian di mana pengurusan tanah juga perlu mengadakan perundingan membabitkan pelbagai agensi dan kementerian lain.

"Jadi, kementerian saya bersedia jadi kementerian utama iaitu kementerian yang memimpin beberapa kementerian lain untuk selesaikan isu birokrasi dan pertindanan membabitkan tanah pertanian terbiar ini," katanya.

**Temu bual bersama Salahuddin di Ms.12/13**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/2/2019 | KOSMO | SEMASA | 2 |

# Tiada masalah bekalan air domestik, pertanian di negeri-negeri lain

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS dan SHAHRULANOOR ISHAK



CUACA panas dengan bacaan 35 darjah Celsius di Alor Setar menyebabkan keadaan tanah merekah ketika tinjauan di sekitar Kampung Gunung dan Kampung Gunung Hilir kelmarin.

**ALOR SETAR** – Bekalan air bagi keperluan domestik dan pertanian di negeri ini dijamin mencukupi sepanjang musim panas yang dijangka melanda negara hingga hujung Mac ini.



Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Bekalan dan Sumber Air serta Tenaga Kedah, Zamri Yusuf (**gambar kecil**) berkata, paras air di empat empangan utama iaitu Empangan Pedu, Beris, Ahning dan Muda berada pada paras selesa.

"Sekarang sudah masuk musim panas tetapi paras air di empangan tidak terjejas kerana masih berlaku beberapa kali hujan sejak bulan lalu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Kempen Melestarikan Sungai dan Saliran negeri Kedah di Kampung Gunung Sali di sini semalam.

Bagaimanapun, kata beliau, pihaknya mengambil langkah penjimatan dengan melepaskan air empangan ke dalam sungai mengikut keperluan loji rawatan air.

"Sebagai contoh, paras air Sungai Muda ketika ini menurun sedikit kepada 1.8 meter tetapi masih menepati keperluan loji rawatan dengan paras minimum 1.5 meter.

"Takungan air di empangan utama itu akan sentiasa dipantau sebagai langkah berjaga-jaga walaupun diramalkan hujan mulai turun pada April depan," ujarnya.

Dalam pada itu, paras takungan empangan di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) semalam adalah 80.3 peratus (Empangan Pedu), 61 peratus (Empangan Muda) dan 73.7 peratus (Empangan Ahning).

**Di Kuantan,** Pegawai Perhubungan Awam dan Komunikasi Korporat Pengurusan Air Pahang (Paip) Berhad, Nurul Farhana Abdul Hamid memberitahu, pihaknya setakat ini tidak menerima sebarang aduan berhubung penyusutan paras air di empangan-empangan utama di negeri itu.

"Sehingga hari ini, pihak kami belum menerima apa-apa info berkaitan (masalah bekalan air empangan) disebabkan gangguan kemarau," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/2/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 9 |

# Hormati tradisi Johor: TMJ

JOHOR BAHRU - Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim mahu Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana individu yang menggunakan masjid dan surau di negeri ini sebagai pentas politik.

Beliau berkata, pemantauan perlu dilakukan agar perkara tersebut tidak berlaku di negeri ini.

"Di Johor, tidak pernah berlaku orang memberi ceramah politik dalam masjid. Hormat tradisi Johor.

"Saya menggesa Majlis Agama Islam memantau dan mengambil tindakan kepada sesiapa yang menggunakan masjid untuk kepentingan politik," katanya menerusi Twitter rasminya, HRH Crown Prince of Johor, kelmarin.



Individu yang didakwa seorang menteri sedang menyampaikan ceramah politik di dalam sebuah masjid.

Difahamkan, amaran Tunku Ismail itu susulan ciapan seorang pengguna Twitter yang memohon beliau menasihatkan seorang menteri didakwa menggunakan masjid untuk menyampaikan dakyah politik.

Menerusi ciapan itu, pemilik akaun menggunakan nama AP4178 menyertakan satu rakaman video memaparkan seorang individu sedang menyampaikan ceramah berunsur politik dalam masjid.

Selepas perkongsian video berdurasi 45 saat itu, Tunku Ismail menjawab pertanyaan pemilik akaun berkenaan dengan bertanya siapakah lelaki memberikan ceramah terbabit.

## Salahuddin nafi ceramah politik dalam masjid

JOHOR BAHRU - Timbalan Presiden Amanah, Datuk Salahuddin Ayub menafikan beliau beri ceramah berbaur politik di sebuah masjid seperti didakwa seorang individu di laman Twitter, semalam.

Mengulas isu itu, Salahuddin berkata, beliau hadir di Masjid Kolam Ayer itu untuk mengerjakan solat Jumaat dan memberi ucapan ringkas.

"Saya tiba di masjid jam 1 tengah hari untuk solat Jumaat, ketika 20 minit sebelum azan, saya kemudiannya diundang oleh imam untuk beri sedikit tazkirah kepada jemaah.

"Saya hanya bercakap 10 minit, dan yang paling utama saya sentuh adalah sama-sama melakukan kebaikan," katanya, semalam.

Salahuddin turut menegaskan, beliau sentiasa maklum mengenai larangan dan tahu adab ketika berada di tempat ibadah tersebut.

"Saya sudah berpolitik lebih kurang 35 tahun, saya tahu adab dan batas. Saya juga tidak bodoh sampai nak beri ceramah politik dalam masjid," katanya.

Terdahulu, tular satu video rakaman berdurasi 45 saat mendakwa Salahuddin menyampaikan ceramah berbaur politik sebelum menunaikan solat Jumaat di masjid dalam bandar raya ini.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | SULTAN JOHOR MURKA TINDAKAN MENTERI PERTANIAN DAN ASAS TANI | | |
| MediaTitle | Wartadaily (wartadaily.com.my) | | |
| Date | 17 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 450 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,350 |

# SULTAN JOHOR MURKA TINDAKAN MENTERI PERTANIAN DAN ASAS TANI

JOHOR BAHRU, 17 FEB – MURK….Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar menyatakan rasa murka terhadap tindakan Menteri Pertanian dan Asas Tani, Salahuddin Ayub yang dikatakan memberi ceramah di sebuah masjid di Johor Bahru, semalam.
Dalam kenyataan yan...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

Powered by: isentia

| Headline | Sultan Johor murka | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Oh Semput (www.ohsemput.com) | | |
| Date | 17 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 450 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,350 |

# Sultan Johor murka

Posted on 16 Feb 2019 19:02:58AddThis Sharing Buttons
JOHOR BAHRU - Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar murka dengan tindakan seorang menteri yang didakwa memberi ceramah di dalam sebuah masjid di Johor Bahru, semalam.Sultan Ibrahim bertitah men...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/2/2018 | THE MALAYSIAN INSIGHT | ONLINE | |

## Johor sultan summons Salahuddin over political speech in mosque




Sultan Ibrahim Sultan Iskandar of Johor says mosques in the state are banned from being used for political purposes. – Facebook pic, February 19, 2019.

SULTAN Ibrahim Sultan Iskandar of Johor has summoned Amanah deputy president Salahuddin Ayub to explain allegations that he made a political speech at a mosque in the state.

The sultan also wants the politician to apologise in writing and to give assurance that he would not repeat the action.

| Headline | Johor Sultan ordered minister to apologise over political speech in mosque | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 17 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 233,713 |
| Page No | A7 | Readership | 1,076,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 233 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,596 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 13,788 |



# 被指在清真寺政治演講

# 柔蘇丹諭令部長道歉

（新山16日讯）某部长被指在清真寺进行政治演讲令柔佛苏丹依布拉欣龙颜大怒，陛下谕令相关部长尽快道歉。

陛下今晚在其官方面子书贴文，这是他最后一次警告，并希望有关部长尽早认错道歉。

贴文指出，除非受到柔州伊斯兰理事会的特别批准，否则在州内的清真寺皆不能进行政治讲座。

“这个州内清真寺的规矩，以确保没有人会沾污清真寺的神圣。”

陛下希望有关部长尽快诚恳地做出道歉，并承诺不再重犯。

陛下重申，所有州内的清真寺皆是政治的禁地，这是柔州的传统。

最近一名网民在推特上传一个视频，指农业及农机工业部长沙拉胡丁在柔州一间清真寺发表政治演讲。

另一方面，农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁，否认在清真寺发表政治演讲，并指将会接受柔佛苏丹依布拉欣的召见，亲自向陛下作出解释。

他说，他正等待可觐见陛下的日期。

沙拉胡丁今晚出席埔莱区国会议员服务中心主办的新春团拜活动，受询如此回应。

他说，他每周都会返回选区，昨日受邀到新山水塘路一清真寺演讲时，只发表10分钟演讲，劝勉大家应一起做好事。



■柔苏丹（中）面子书贴文，警告相关部长尽早道歉认错。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sultan of Johor demands apologies from Minister of Agriculture for giving speech in mosque | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 17 Feb 2019 | Color | Black/white |
| Section | Nation | Circulation | 294,476 |
| Page No | 8 | Readership | 883,428 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 357 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 8,817 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 26,451 |



柔州传出沙拉胡丁在清真寺发表政治演讲后，柔佛苏丹依布拉欣陛下（中）接见柔州宗教局人士表示震怒。（照片取自柔佛苏丹脸书专页）



## 農長被指在清真寺發表演講

# 柔蘇丹震怒促道歉

（新山16日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁被指在新山一所清真寺发表政治演讲，柔佛苏丹依布拉欣陛下对此震怒不已，并且下令不希望同样的事再在州内发生。

沙拉胡丁昨日在新山一所清真寺演讲的传闻，是从昨晚开始在社交媒体上传开。

### 要求农业部长即刻觐见

陛下今日接见柔州宗教理事会顾问拿督诺加多和宗教司拿督雅也之后，通过柔佛王室新闻室颁布上述命令，并要求沙拉胡丁即刻觐见、通过书面道歉，以及保证不会重犯错误。

陛下作出提醒，州内所有清真寺都已规定，除非获得柔州宗教局批准，否则没人可在清真寺或其范围内举行讲座。

“州内所有清真寺从以前开始就严禁一切政治元素，这是柔州的传统。”

陛下指出，清真寺是穆斯林祈祷和团结穆斯林的地方，政治元素被带入后，将会破坏理事会的团结、玷污清真寺的圣洁和影响社会的和谐。

与此同时，陛下强调这是最后警告，希望沙拉胡丁能够醒悟及道歉，并希望州内所有清真寺的主席和理事时刻遵守柔州宗教局定下的条例，确保同样的事件不再发生。

## 王儲促宗教理事會採行動

昨晚也有网民通过推特，要求柔佛王储东姑依斯迈针对清真寺成为“政治场所”的情况发声。

王储回应将会进行调查和采取行动后，也通过社交媒体要求宗教理事会监督和采取适当行动，对付在清真寺捞取政治利益的人士。

王储表示，在柔州不曾有人在清真寺内发表政治演说，政治人物应尊重柔州的传统，而他也对有关网民点名演讲者是州内的一位部长级希盟领袖表示“不感惊讶”。

## 農長：沒在清真寺演說

农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁否认在新山水塘路的清真寺发表政治演说，他强调自己当时只是劝勉大家应做好事，而他非常感谢柔佛苏丹依布拉欣陛下愿意召见他，让他有机会解释前因后果。

沙拉胡丁也是埔来国席和新邦二南州席议员，他今晚到依城武吉英达出席埔来国会选区新春团拜，针对自己被传在清真寺发表政治演讲，在受询时这么表示。

### 仅致词要大家做好事

他解释，他每个星期会回返埔来国会选区一次，并到清真寺祈祷，而他昨日下午1时许抵达该清真寺，约莫20分钟后受邀致词。

他说，他当时只是致词10分钟，要大家做好事，当时现场有许多人拍照和录影，但他的致词内容并没有涉及政治。

Powered by: isentia

| Headline | Johor Sultan furiously orders not to make same mistake again | | |
| --- | --- | --- | --- |
| MediaTitle | Guang Ming Daily | | |
| Date | 17 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 53,140 |
| Page No | A6 | Readership | 159,420 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 273 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,111 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,333 |





■州内传出政治领袖在清真寺发表政治演讲后，柔佛苏丹依布拉欣陛下（中）接见柔州宗教局人士表示震怒。

## 部長清真寺發表政治演說

# 柔蘇丹震怒下令勿重犯

（新山16日讯）一名部长级希盟领袖被指在新山一清真寺发表政治演讲，此举令柔佛苏丹依布拉欣陛下震怒，并下令不希望同样事件再度于州内发生。

据了解，该部长在新山一所清真寺演讲的传闻，昨晚开始便在社交媒体上传开。

陛下今日接见了柔州宗教理事会顾问拿督诺加多和宗教司拿督雅也后，通过柔佛王室新闻室颁布指令，并要求涉及的部长马上觐见、道歉，同时保证不会重犯错误。

陛下提醒，州内所有清真寺都有规定，除非获柔州宗教局批准，否则没人可在清真寺或其范围内举行讲座。

陛下强调，柔佛州内所有清真寺从以前开始就严禁一切政治元素，这是州的传统。

"清真寺是穆斯林祈祷和团结穆斯林的地方，政治元素遭带入后，恐会破坏理事会的团结、玷污清真寺的圣洁和影响社会和谐。"

与此同时，陛下也强调这是他最后警告，希望有关部长能醒悟及道歉，并希望州内所有清真寺的主席和理事时刻遵守柔州宗教局定下的条例，确保类似事件不再发生。

据知，昨晚已有网民通过推特，要求柔佛王储东姑依斯迈针对清真寺成为"政治场所"一事给予发声。

王储回应将进行调查和采取行动后，也通过社交媒体要求宗教理事会监督和采取适当行动，对付在清真寺捞取政治利益者。

王储表明，在柔州不曾有人在清真寺内发表政治演说，政治人物应尊重柔州的传统，而他也对有关网民点名演讲者是州内一位部长级希盟领袖表示"不会惊讶"。（TKM）

# 沙拉胡丁否认發表政治演說

农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁否认，他在新山水塘路的清真寺发表政治演说；他解释，他当时只是劝勉大家应一起做好事。

也是埔来国会议员和新邦二南州议员的他接受《阳光日报》访问时声称，他从政已有35年，知道当中的礼仪和限制，绝不会笨到在清真寺内发表政治演讲。

他说明，他昨午1时许抵达上述清真寺，约莫20分钟后受邀致辞，但他强调他仅是致辞约10分钟，内容是要大家做好事。（TKM）

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Salahuddin seeking audience with Johor Sultan over mosque speech issue | | |
| MediaTitle | Malaysia MSN(malaysia.msn.com) | | |
| Date | 17 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 1 |
| Order Rank | 6 | Readership | 5 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 350 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,050 |

# Salahuddin seeking audience with Johor Sultan over mosque speech issue

JOHOR BARU: Parti Amanah Negara deputy president Datuk Salahuddin Ayub ( pic ) will seek an audience with Johor Ruler Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar to clear the air over allegations that he made a political speech at a mosque in the state.
...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/2/2018 | MALAYSIA KINI | ONLINE | |

## Salahuddin prepared to meet Johor sultan over mosque speech




Agriculture and Agro-based Industries Minister Salahuddin Ayub is prepared to meet Johor's Sultan Ibrahim Sultan Iskandar to explain his speech at a mosque in Johor Bahru yesterday.

This comes after the sultan issued a **royal rebuke** to Salahuddin for allegedly giving a ceramah at Masjid Kolam Air.

"I obey (the sultan's decree) and this is the best opportunity for me to explain everything to His Majesty.

"I am still waiting to see when I can have an audience with His Majesty and after that I will have a press conference to issue a further statement," the minister was quoted as saying by *Berita Harian*.

Earlier today, Sultan Ibrahim called on Salahuddin to submit a written apology and pledge not to repeat his mistake.

This came after a video of Salahuddin speaking in the mosque spread on social media yesterday.

Prior to the rebuke, Salahuddin had denied making a political speech in the mosque, explaining that he was invited to give a sermon in which he urged the people to be good to one another.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Minister of Agriculture to give explanation to Johor Sultan | | |
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 17 Feb 2019 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A27 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 126 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,473 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,420 |



# 农长将觐见柔苏丹解释

**新山16日讯**｜针对柔佛苏丹依布拉欣陛下以不点名的方式谴责并御令在清真寺发表政治演说的领袖道歉，当事人即农业与农基部长拿督沙拉胡丁阿育表示，将会觐见柔佛苏丹依布拉欣陛下解释整件事情的来龙去脉。

他说，他今晚刚阅读苏丹陛下面子书专页帖文后，已经要求安排觐见，目前还在等待觐见的日期和时间。他感谢苏丹陛下给他有个解释的机会。他将觐见苏丹陛下后考虑召开记者会，澄清事实。

也是埔莱区国会议员的他是今晚（周六）出席埔莱国会选区服务中心新年团拜活动上，接受媒体询问时，如是表示。

他表示，每周五若回到选区，都会到选区内的清真寺祈祷，昨日接获邀请前往水塘路清真寺进行集体祷告。他强调，他在10分钟致词内并未谈及政治，网友上载的视频内容也并没有提出他的演说内容有涉及政治。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Ceramah politik dalam masjid: Salahuddin kena menghadap | | |
| MediaTitle | Ismaweb (www.ismaweb.net) | | |
| Date | 17 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 8 | Readership | 3 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 750 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,250 |

# Ceramah politik dalam masjid: Salahuddin kena menghadap

Masjid di Johor kawasan larangan unsur politik: Sultan Ibrahim
BANGI, 12 Jamadilakhir 1440H, Ahad – Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, murka dengan tindakan seorang menteri yang dikatakan memberi ceramah di dalam sebuah masjid di Johor Bahru, ...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Salahuddin nafi ceramah berunsur politik dalam masjid | | |
| MediaTitle | Oh Semput (www.ohsemput.com) | | |
| Date | 17 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 5 | Readership | 1 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,200 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,600 |

# Salahuddin nafi ceramah berunsur politik dalam masjid

Posted on 16 Feb 2019 19:02:58AddThis Sharing ButtonsSHARKAWI LONDING16 Februari 2019 9:53 PM JOHOR BAHRU - Timbalan Presiden Amanah, Datuk Salahuddin Ayub menafikan dirinya ada memberi ceramah berbaur politik di sebuah masjid seperti didakwa seorang ind...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agriculture minister seeking audience with Johor Sultan over mosque speech issue | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 17 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A18 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 356 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,478 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 13,434 |



# 农长求见苏丹解释

**（新山16日讯）国家诚信党副主席拿督沙拉胡丁将寻求觐见柔佛苏丹依布拉欣陛下，以厘清他被指控在该州一座回教堂发表政治演说一事。**

**他今晚出席埔来国会新年茶会时说，他希望向陛下厘清有关指控，还自己一个清白。**

沙拉胡丁也是农业及农基工业部长兼埔来国会议员。

沙拉胡丁说，他正在等待王宫的绿灯以觐见柔佛苏丹。

“我刚读过苏丹依布拉欣的面子书贴文，作为一名柔佛州人，我不得不寻求觐见陛下。”

较早前，他受《南洋商报》询问时说：“我没有触及政治内容，我会坦然面对和有心理准备，就交由有关方面调查。”




沙拉胡丁：仅是普通讲话，一般劝人行善与帮助他人的内容。

他今早已就此事致电联系柔佛王室数名官员，同时也已向有关当局传达与说明实际发生的情况。

他解释，本身是昨午约1时，在水塘路回教堂出席星期五祈祷仪式前，徇众要求发表约10分钟的致词，当时柔州前宗教司拿督达利尔也在场。

他直言，“我确实有发表致词，仅是普通讲话，一般劝人行善与帮助他人的内容。”

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/2/2018 | ASTRO AWANI | ONLINE | |

# Perlu pelbagai, jangan bergantung pada satu jenis tanaman - Teresa Kok



Teresa berkata perbincangan mengenai isu berkenaan telah dimulakan sejak awal tahun 2019 dan bertujuan membantu golongan itu menghadapi cabaran harga komoditi dunia yang tidak menentu. -foto BERNAMA

**KUALA LUMPUR**: Perbincangan bagi mengenal pasti jenis tanaman baharu yang sesuai diusahakan oleh pekebun kecil kelapa sawit dan getah telah dilakukan kementerian terlibat dalam usaha kerajaan membantu mereka mempelbagaikan tanaman yang diusahakan.

Menurut Menteri Industri Utama, Teresa Kok, perbincangan mengenai isu berkenaan telah dimulakan sejak awal tahun 2019 dan bertujuan membantu golongan itu menghadapi cabaran harga komoditi dunia yang tidak menentu.

"Selain kementerian saya, Kementerian Pertanian dan Industri Asas serta perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad sendiri telahpun mencadangkan agar pekebun kecil tidak terlalu bergantung kepada satu jenis tanaman komoditi sahaja," kata Teresa. Jelasnya, kerajaan juga sedang melihat kesesuaian tanah dengan jenis-jenis tanaman yang akan dipromosikan.

"Kita juga perlu melihat kesesuaian tempat-tempat yang berlainan yang mungkin sesuai untuk jenis tanaman komoditi yang baharu. Malah, ini semua bergantung kepada daerah dan juga pekebun," katanya.

Menurut Teresa, Malaysia telah mengimport hampir sejuta biji kelapa setiap tahun dan ramai pekebun kecil telah mula menanam tanaman sampingan seperti kelapa dan nanas.

"Ada pekebun kecil yang telah menanam kelapa dan kerana permintaan tinggi. Malah, Malaysia juga terpaksa mengimport sejuta biji kelapa setahun.

"Jadi ini satu tanaman yang saya rasa boleh membawa keuntungan," kata Kok.

Beliau ditemui pemberita selepas merasmikan laluan penghubung di antara Jalan Kelang Lama dan Lebuhraya Pantai Baru melalui Jambatan Menyeberangi Sungai Kelang (OKR-NPE Link Bridge).

Turut hadir, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan; Ketua Polis Daerah Brickfields, A-C-P Tuan Ruslan Kahlid; dan Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), Encik Kwan Joon Hoe.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/2/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 12 |



Teresa menghulurkan angpau kepada penari tarian singa pada majlis Perasmian Pembukaan Laluan Penghubung Di Antara Jalan Kelang Lama dan Lebuhraya Pantai Baru, semalam.

# Kenal pasti jenis tanaman baharu

**KUALA LUMPUR** - Perbincangan untuk mengenal pasti jenis tanaman baharu yang sesuai diusahakan pekebun kecil kelapa sawit dan getah telah dimulakan sejak awal 2019, sebagai usaha kerajaan membantu mereka mempelbagaikan tanaman yang diusahakan.

Menteri Industri Utama, Teresa Kok berkata, ia bertujuan membantu mereka menghadapi cabaran harga komoditi dunia yang tidak menentu.

"Selain kementerian saya, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sendiri telah menyarankan agar pekebun kecil tidak terlalu bergantung kepada satu jenis tanaman komoditi," katanya ketika diminta mengulas saranan Dr Mahathir supaya golongan petani tidak bergantung terhadap sejenis tanaman sahaja.

Beliau ditemui pemberita selepas merasmikan laluan penghubung antara Jalan Kelang Lama dan Lebuhraya Pantai Baru melalui Jambatan Menyeberangi Sungai Kelang (OKR-NPE Link Bridge)

Teresa berkata, kerajaan juga sedang melihat kesesuaian tanah dengan jenis-jenis tanaman yang akan dipromosikan.

"Ini semua bergantung kepada daerah dan juga pekebun," katanya.

Menurutnya, ramai pekebun kecil telah mula menanam tanaman sampingan seperti kelapa, kenaf dan nanas.

"Ada pekebun kecil yang telah menanam kelapa dan kerana permintaan tinggi Malaysia terpaksa mengimport sejuta biji kelapa setahun.

"Jadi ini satu tanaman yang saya rasa boleh membawa keuntungan," katanya. - Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/2/2019 | MINGGUAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 6 |

## Bukan kerja Salahuddin potong subsidi – Khairy

# Bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan

Oleh **FAUZI SUHAIMI**
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 16 FEB.**

BUKAN salah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani golongan petani, nelayan berada dalam situasi kehidupan terhimpit ketika ini.

Hal ini kerana, menurut Ahli Parlimen Rembau, Khairy Jamaluddin, pemotongan subsidi padi dan elaun sara hidup nelayan bukan tugas kementerian itu atau Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub tetapi di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan.

"Sebenarnya saya tak salahkan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani. Subsidi padi, elaun sara hidup nelayan semua dipotong bukan kerja beliau, ini kerja Kementerian Kewangan bawah Lim Guan Eng.

"Saya masih ingat waktu perbahasan belanjawan di Parlimen. Wakil rakyat dari semua parti Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN) merayu kepada Guan Eng supaya tidak potong bantuan untuk petani, pekebun kecil dan nelayan.

"Tapi Menteri Kewangan ini tak berapa kisah tentang ekonomi rakyat. Sampai Salahuddin menangis," katanya menerusi hantaran dalam akaun Facebook miliknya di sini hari ini.

Dalam pada itu, Khairy juga meminta semua pihak untuk menyebarkan maklumat berhubung fakta pemotongan peruntukan tersebut yang diambil menerusi buku belanjawan yang dibuat Guan Eng.

Kelmarin, Salahuddin menangis teresak-esak ketika membaca sekeping surat luahan hati daripada seorang pesawah, Ibas Hamud, 77, di atas pentas dalam majlis pelancaran Hala Tuju kementerian itu di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor.

**INFO**

| Perkara | Anggaran 2018 | Anggaran 2019 |
|---|---|---|
| Subsidi Baja Padi | RM465,000,000 | RM232,500,000 |
| Insentif Pengeluaran Padi | RM563,000,00 | RM281,500,000 |
| Elaun Sara Hidup Nelayan dan Insentif Hasil Tangkapan Nelayan | RM262,000,000 | RM98,500,000 |
| Elaun Sara Hidup Nelayan Darat (ESHND) | RM12,500,000 | RM3,500,000 |

Perbezaan jumlah peruntukan bagi subsidi padi dan elaun sara hidup nelayan dalam buku Belanjawan 2019.



KHAIRY JAMALUDDIN